

# **Cabaran pengajaran & pembelajaran kursus kemahiran secara maya semasa Pandemik Covid-19**

## **ABSTRACT**

Artikel ini bertujuan untuk mengkaji cabaran dalam aktiviti pengajaran dan pembelajaran kursus kemahiran yang dijalankan secara maya ketika pandemik COVID-19. Cabaran dalam mengakses Internet dengan konsisten untuk sesi pengajaran dan pembelajaran secara maya menyebabkan pelajar mengalami kesukaran untuk mengadaptasi cara belajar yang berubah drastik, daripada pembelajaran bersemukakepada pembelajaran secara maya. Kajian ini untuk mengenal pasti kekangan utama dalam pembelajaran dan pengajaran secara maya yang dihadapi oleh pelajar dan pengajar dalam kursus ini. Selain itu, kajian ini mengenalpasti bentuk tugas yang boleh diubah suai mengikut situasi pandemik agar tidak terlalu membebankan pelajar. Kajian ini menggunakan kaedah kajian kes untuk Kursus Rekacipta Busana dengan penglibatan secara langsung 47 pelajar yang menyertai kursus ini. Kaedah pungutandata menggunakan borang kaji selidik melalui Google form, pemerhatian dan temu bual secara informal pelajar yang mengikuti sesi pengajaran dan pembelajaran berlangsung. Hasil kajian mendapati pengajar mengubah komponen penilaian dalam bentuk tugas praktikal yang disesuaikan dengan situasi pandemik COVID-19. Melalui pengubahsuaian ini, pelajar berupaya menyiapkan dan menghantar tugas secara maya dalam bentuk tugas separa-praktikal yang lebih ringan berbanding tugas asal dalam pengajaran dan pembelajaran bersemuka. Kaedah pembelajaran dan pengajaran secara maya perlu diteruskan apabila keadaan kembali seperti sedia kala daripada krisis pandemik ini. Ia boleh dijadikan sebagai satu alternatif khas untuk pelajar yang mempunyai kekangan untuk menghadiri kuliah bersemuka atas faktor kesihatan sekiranya disyaki membawa penyakit berjangkit yang memerlukan mereka diisolasi seperti terkena jangkitan virus COVID-19.